


KOSMO (7/7/2022) Page 20

SEGAK  
berbusana  
Melayu  
menjadikan  
seseorang  
itu tidak lupa  
asal-usulnya.



MOHD. ARIS (kanan) menerangkan tentang sejarah dan kegunaan senjata tradisional kepada golongan muda.

# Budayakan pemakaian busana Melayu klasik

**F**ENOMENA filem *Mat Kilau* yang ditayangkan sejak bulan lalu amat dirasai apabila banyak komen positif diterima daripada para penonton dan warganet yang terdiri daripada pelbagai golongan.

Filem yang menonjolkan seni persilatan tersebut bukan hanya berjaya mendapat maklum balas hebat daripada penonton, malah turut mengukir sejarah apabila berjaya mengutip jutaan ringgit dalam masa beberapa hari tayangan.

Selain kehebatan filem arahan Syamsul Yusof itu sendiri, warisan budaya Melayu seperti ilmu persilatan, busana Melayu klasik dan bahasa Melayu yang penuh maksud tersirat daripada yang tersurat turut ditampilkan.



Sesungguhnya, ia menjadi tugas orang Melayu untuk mempertahankannya selagi ada bulan dan matahari.

Sehubungan itu, budaya warisan Melayu seperti pemakaian busana, misalnya baju cekak musang, teluk belanga bersama tanjak perlu dipopularkan bagi memastikan kesinambungannya bukan

sekadar menjadi pakaian pelakon filem purbawara semata-mata.

Bagi golongan lelaki, busana Melayu klasik secara umumnya terdiri daripada pemakaian baju Melayu dengan potongan leher cekak musang atau teluk belanga yang dipakai bersama seluar panjang. Penampilan dilengkapi lagi dengan lilitan samping serta pemakaian tanjak dan adakalanya baju sikap (berupa seperti jaket).

Menurut seorang usahawan busana Melayu, Abdul Rahman Tan,



PANGERAN NURDIAN SYAH



PEMAKAIAN busana Melayu lengkap seperti baju Melayu, samping dan tanjak perlu dipromosi dengan giat bagi menarik minat orang muda mencintai budaya sendiri.

60, karnival mahupun ekspso yang memasarkan busana Melayu wajar diperbanyakkan bagi memastikan pemakaian busana itu terus dipopularkan.

“Karnival jualan busana Melayu juga perlu selalu diadakan bagi memastikan warisan busana bangsa dapat didedahkan kepada generasi muda.

“Saya sebagai penjual busana Melayu ingin melihat pemakaian baju Melayu dan tanjak menjadi pakaian yang dipakai setiap masa tidak hanya semasa Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha sahaja,” katanya kepada K2 ketika ditemui pada Rumah Terbuka dan Karnival Pembangunan Komuniti, Budaya & Warisan di Putrajaya baru-baru ini.

Abdul Rahman berkata, jika bukan orang Melayu berasa bangga dengan baju tradisi sendiri, siapa lagi yang akan memakainya.

Katanya lagi, busana Melayu dijual pada harga yang agak tinggi disebabkan material busana tersebut sendiri yang mahal.

“Untuk menghasilkan busana Melayu memerlukan masa yang lama bagi memastikan kualitinya terpelihara.

“Kita tidak mahu busana Melayu tradisi ditenggelami busana-busana rekaan moden yang dijual dengan meluas semasa musim perayaan,” katanya.



**GENERASI** muda terpegun melihat senjata dan kostum tradisional yang dipamerkan pada karnival tersebut.

senjata tradisional, Mohd. Aris Zahari, 36, berkata, beliau mahu menyampaikan ilmu kepada kanak-kanak tentang keris, sundang dan lain-lain senjata lama orang Melayu.

Katanya yang mempunyai kedai di Bandar Baru Bangi, Selangor, walaupun senjata seperti keris sering dilihat di dalam filem lama seperti *Hang Tuah* lakonan Tan Sri P. Ramlee dan *Hang*

*Jebat* lakonan Nordin Ahmad, namun generasi muda tidak mengetahui kaedah pembuatan dan jenis logam yang digunakan.

“Sebagai contoh, dalam sebilah keris terdapat pelbagai jenis logam dan besi yang diadun menjadi sebilah keris bernilai tinggi dari aspek tempaan, seni membuat ulu, sarung dan bentuknya.

“Ramai anak muda teruja mendengar

- Baju Melayu merupakan pakaian tradisional untuk lelaki yang dikatakan wujud sejak abad ke-15 lagi ataupun 700 tahun dahulu
- Bagaimanapun, pakaian itu yang berpotongan leher cekak musang dan teluk belanga, pada asalnya direka dengan tiada lengan, lengannya direka pendek atau tiga suku dan dipakai dengan seluar paras betis
- Pemakaiannya dilengkapi dengan sampung, tanjak, baju sipak (sarung luar seperti jaket) dan keris
- Kemudian, pesak baju Melayu telah melalui perubahan sehingga lengannya dipanjangkan sampai ke pangkal lengan dan seluar dipanjangkan ke buku lali
- Rekaan ini terus kekal dan menjadi ikutan hingga ke hari ini

cerita sejarah budaya datuk dan nenek moyang mereka yang mahir sebagai pandai besi,” katanya.

Ujarnya, satu masa dahulu, para pembesar Melayu dan pendekar memakai keris sebagai sebahagian daripada busana mereka.

Katanya, semakin tinggi pangkat seseorang pembesar semakin tinggi nilai keris yang dipakainya.

Sementara itu, seorang usahawan jersi dan baju-T bercorak dunia persilatan, Pangeran Nurdian Syah Zainal Abidin, 28, berkata, pemakaian busana seperti tanjak pada hari ini dalam kalangan generasi muda amat menggalakkan.

Pun begitu, beliau yang dikenali sebagai Panglima Aduka berkata, ada generasi muda yang menganggap tanjak seperti topi disebabkan tidak dididik dengan busana itu sebagai sebahagian budaya Melayu.

"Justeru, saya melihat aksesori busana Melayu klasik seperti tanjak, baju Melayu dan baju bercorak pendekar serta senjata tradisional perlu dipromosikan lebih giat lagi.

"Bagaimanapun, hari ini saya turut menjual baju jersi bercorak persilatan sebagai busana moden untuk menarik minat orang muda mencintai budaya sendiri.

"Kata orang, tidak kenal maka tidak cinta. Mana tahu, daripada baju jersi bercorak persilatan ini akan memupuk mereka untuk mengetahui mengenai busana Melayu klasik dan memakainya," kata Nurdian.

Sementara itu, seorang usahawan



**MOHD. ARIS** melayan seorang peminat senjata lama yang berkunjung ke gerainya baru-baru ini.

## Jangan sampai busana Melayu jadi pameran muzium



**DR. NOREZAH**

BUSANA Melayu diharap terus mendapat tempat dalam kalangan generasi muda yang selama ini lebih menggemari busana moden.

Budayawan, Dr. Norezah Abdul Aziz, 60, berharap busana Melayu tidak menjadi sebahagian bahan pameran di muzium satu hari kelak.

Menurutnya, busana Melayu bukan sahaja boleh dipakai semasa hari perayaan, malahan untuk ke tempat kerja setiap hari.

"Sekarang kakitangan awam memakai baju batik yang bermula sejak zaman Perdana Menteri, Tun

Abdullah Badawi.

"Impian saya bukan sahaja hari Khamis, pemakaian busana Melayu juga harus digalakkan dan sepatutnya dipakai setiap hari," katanya.

Dr. Norezah berkata, pemakaian busana Melayu oleh penjawat awam tidak kira kerajaan negeri mahupun Persekutuan mampu merangsang minat generasi muda untuk turut sama memakainya di tempat awam.

Ujarnya, jika tiada usaha untuk memelihara busana Melayu dalam kehidupan seharian oleh pihak berkuasa kebudayaan, dibimbangi ia

menjadi busana eksklusif yang menjadi cenderamata untuk pelancong sematamata.

"Lihat sahaja orang Jepun yang semakin moden, tetapi kimono dikenali seantero dunia.

"Saya berharap satu hari nanti pelancong akan mengenali busana tradisi Melayu sebagaimana mereka mengenali makanan, roti canai dan nasi lemak," katanya.

Beliau menambah, untuk objektif tersebut dicapai, ia memerlukan pemimpin negara yang komited untuk mengekalkan jati diri bangsa.